

08 JUN 1999

MAHATHIR-RINGGIT

PENETAPAN RINGGIT KEKAL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa negara ini tiada hasrat menukar penetapan ringgit sekarang pada RM3.80 berbanding satu dolar AS.

"Kami berhasrat mengekalkan paras 3.80 setiap dolar untuk masa yang lama, sekalipun jika matawang-matawang jiran lain meningkat atau menurun nilai. Kecuali keadaan amat teruk," katanya di dalam taklimatnya kepada empat belas wartawan asing, yang diundang ke Malaysia oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Sungguhpun dengan regim penetapan itu, ia akan menjadikan ringgit kelihatan lebih lemah apabila dibandingkan dengan matawang-matawang negara-negara jiran lain, kata Dr Mahathir: "tidak ada salah cara itu, kami memutuskan untuk mengambil kesempatan daripada mempunyai matawang yang lebih lemah."

Perdana Menteri berkata bahawa Malaysia percaya terhadap kestabilan pasaran, di mana orang atau peniaga-penaiga boleh mengunjurkan atau mengatur belanjawan perniagaan mereka di negara ini tanpa bimbang.

Beliau juga menyebut bahawa ramalan masa depan ekonomi Malaysia telah meningkat dengan ketaranya sebagai jawapan kepada langkah-langkah dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan baru-baru ini.

"Kini kita melihat ekonomi semakin pulih dan kami yakin bahawa pertumbuhan satu peratus yang disasarkan bagi tahun ini adalah boleh dicapai," katanya, sambil menambah bahawa orang, pada amnya, amat yakin terhadap masa depan.

Perdana Menteri turut menyentuh dengan panjang lebar mengenai kejayaan kawalan modal yang tidak difahami sepenuhnya oleh pelabur-pelabur asing dan institusi-institusi apabila langkah itu pertama kali diperkenalkan.

"Apabila kami mula-mula memperkenalkan kawalan modal, banyak percaya bahawa kami telah membelakangkan seluruh dunia. Tetapi sekarang, banyak telah melihat bahawa langkah-langkah itu telah memberikan banyak manfaat," katanya.

Mengenai dakwaan oleh pihak-pihak tertentu yang bank-bank tempatan tidak mempunyai wang untuk diberi pinjaman, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu mengenai bank-bank tidak mempunyai wang, setahu saya, mereka (bank-bank) mempunyai agak banyak wang. Malahan kita telah mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) supaya bank-bank akan mempunyai lebih banyak wang. Saya tiada masalah terhadap bank-bank yang tidak mempunyai wang."

Katanya sebab-sebab kenapa bank-bank tidak memberi pinjaman, adalah kerana "mereka kini terlalu berhati-hati, dan bagi tujuan itu, kerajaan kini menasihati mereka supaya mulai memberi pinjaman."

Ditanya mengenai kemungkinan Malaysia membenarkan pemilikan asing 100 peratus di sektor kewangan tempatan, katanya: "Sudahpun ada bank asing dengan cawangan-cawangan di sana sini, seperti Citibank."

Dr Mahathir menegaskan bahawa Malaysia sentiasa membenarkan bank-bank asing beroperasi di negara ini tetapi tentulah terdapat sekatan-sekatan tertentu.

"Pada ketika ini, kita membenarkan penyertaan dengan ekuiti minoriti, kita tidak melihat keperluan sebenar bagi kita membenarkan bank asing baru 100 peratus kerana bank-bank kita tidak begitu kukuh untuk bersaing dengan bank-bank asing."

Mengenai pelaburan langsung asing (FDI), Dr Mahathir berkata Malaysia adalah negara pertama membuka bagi pelaburan langsung asing.

Menyebut perjumpaannya dengan Pengerusi British Airways Lord Marshall of Knightsbridge awal hari ini, perdana menteri berkata: "orang Britain sentiasa berminat mempunyai pelaburan di Malaysia. Tahun lalu sahaja, FDI mereka ke Malaysia berjumlah satu bilion paun."

Ditanya kenapa Malaysia berminat melaksanakan projek-projek besar di negara ini, beliau berseloroh: "Di Malaysia, kita sentiasa buat benda-benda secara besar-besaran. Membuat benda-benda besar bukanlah luar biasa bagi Malaysia ... kita bina bandar lengkap dengan semua kemudahan di dalam."

Menyebut KLIA sebagai contoh, katanya: "Bila kita hendak membina lapangan terbang baru itu, kita memutuskan bahawa kita akan membina sebuah lapangan terbang yang boleh kekal di sini untuk 100 tahun akan datang, boleh menyediakan sehingga 125,000 penumpang."

Dr Mahathir turut menyentuh mengenai politik, sambil berkata bahawa beliau yakin bahawa parti pemerintah boleh mempunyai peluang yang baik memenangi pilihan raya akan datang.

"Sama ada kita dapat majoriti dua pertiga atau tidak adalah perkara lain, tetapi begitupun, kita masih mempunyai peluang yang baik dan kita percaya di Malaysia mempunyai kerajaan yang kuat, bermakna kerajaan yang mempunyai majoriti yang baik di Parlimen, supaya kita tidak bimbang terhadap paling tadah."

Media asing termasuk wakil-wakil daripada CNBC Asia, The Australian Financial Review dan The Observer dari Britain, berada di ibu negara dalam lawatan enam hari dianjurkan oleh MTEN.

-- BERNAMA
AA FR OS